

PTHS 6/3-1070

(N.L.C.12A-Pin.4/85)  
KANUN TANAH NEGARA  
BORANG 6 A  
(Seksyen 97 dan 98 )

NOTIS TUNTUTAN : TUNGGAKAN SEWA

Kepada LARUT CONSOLIDATED BHD (EUROPLUS BERHAD) NO.SYARIKAT: 520-H

Yang beralamat TINGKAT 17 & 18, MENARA MAXISEGAR JALAN PANDAN INDAH 4/2,  
55100 PANDAN INDAH KUALA LUMPUR

ATAU di alamat SUITE 2.12, LEVEL 2, MENARA MAXISEGAR, JALAN PANDAN INDAH 4/2,  
55100 PANDAN INDAH KUALA LUMPUR

Tuanpunya tanah/ tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual dibawah ini.  
Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi \* tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang genap masa  
berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan , mulai 01 hb Jun, adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh **TIGA (3) BULAN** dari tarikh notis ini disampaikan,  
supaya membayar di **Pejabat Tanah Hulu Selangor di Kuala Kubu Bharu** segala jumlah wang yang  
sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ke tiga (3) hingga enam (6) dalam  
Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

**DAN AMBIL PERHATIAN** bahawa, jika \*jumlah/ mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan  
diruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh **TIGA (3) bulan** yang tersebut itu  
maka saya bertandatangan dibawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 100, Kanun Tanah  
Negara, akan mengistiharkan dengan jalan **PERINTAH** tanah/ tanah-tanah yang berkenaan itu di lucutahak  
kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada **B** haribulan **A** 2017

Pentadbir Tanah .....

Daerah Hulu Selangor.



Mukim: ULU YAM

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN.

Perihal& No.Hakmilik	No.Lot/Pt	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun- tahun.	Fee-Fee dll yang dikenakan sebagai Hasil	Tunggakan Fee (Tunggakan denda lewat Dan denda lewat semasa ) dan bayaran terkurang	Jumlah kena dibayar.
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
HSD 18447	PT 4390	RM 203.00	RM 2,971.00	RM 20.00 Bayaran Notis 6A	RM 2,907.40	RM 6,101.40

TAMBAHAN.

Kepada 1) PENGURUSAN DANAHARTA NASIONAL BERHAD yang beralamat di Tingkat 10, Bangunan Setia 1, 15 Lorong Dungun, Bukit Damansara , 50490 Kuala Lumpur , \* PEMEGANG GADAIAN NO. 30855/1995 JILID 97 FOLIO 10 DAN

2) AMMB INTERNASIONAL (L) LTD yang beralamat di Level 12 (B), Blok 4 Office Tower, Financial Park Labuan Complex, Jalan Merdeka, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan, PEMEGANG GADAIAN NO.56038/1997 JILID 109 FOLIO 60

Sekiranya kamu ada sebab mempercayai bahawa tuanpunya bagi tanah yang dijadualkan di atas dalam mana kamu mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkir daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar, maka kamu boleh mengelakkan pelucutan tanah tersebut dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah, dalam tempoh yang dinyatakan, jumlah yang dinyatakan berkenaan dengan tanah itu.

DAN AMBIL PERHATIAN bahawa (tanpa menjelaskan apa-apa hak dibawah seksyen itu untuk mendakwa tuanpunya itu secara terus), hak-hak istimewa yang berikut untuk mendapat balik bayaran-bayaran wujud menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98 Kanun Tanah Negara:-

- (g) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh pemegang gadaian hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kemudiannya kena dibayar atas gadaian itu;
- (h) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil ataupun tenan boleh didapatkan balik dengan memotong amaun itu daripada apa-apa sewa yang pada masa itu atau kemudiannya kena dibayar olehnya kepada tuanpunya tanah itu atau kepada sesiapa yang memegang tanah itu;
- (i) mana-mana pemajak, pemajak kecil atau tenan yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau dialami apa-apa potongan di bawah seksyen itu boleh mendapat balik amaun yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan yang bersamaan daripada amaun sewa yang kena dibayar olehnya.

Bertarikh pada 12 Daribulan 2017 .

Pentadbir Tanah.....  
Daerah Hulu Selangor.  
